



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## TEKS UCAPAN

**YAB DATO' SERI DR. WAN AZIZAH DATO' DR. WAN ISMAIL  
TIMBALAN PERDANA MENTERI MERANGKAP  
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN KPWKM BIL.3/2019**

**DEWAN PERDANA NUR**

**22 OGOS 2019**

## **(SALUTASI)**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Hormat.

Warga Kementerian yang saya kasihi sekalian,

## **PENDAHULUAN**

1. Alhamdullilah syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan izin-NYA dapat kita berhimpun di Majlis Perhimpunan Bulanan Ketiga KPWKM bagi tahun 2019.  
Masih belum terlambat untuk saya ucapkan Selamat Hari Raya Aidiladha kepada semua muslimin dan muslimat.
2. Saya juga ingin mengucapkan selamat pulang kepada Jemaah Haji dari Kementerian ini yang telah selesai menunaikan rukun Islam yang kelima dan didoakan semoga mendapat haji yang mabrur dan diterima oleh Allah SWT. Sesungguhnya pengalaman menunaikan haji pada kali ini sangat bererti juga kepada saya.
3. Selain itu, Ucapan terima kasih dan syabas kepada Institut Sosial Malaysia (ISM) dan Sektor Strategik Kementerian selaku urusetia bagi Perhimpunan Bulanan kali ini dan Sambutan Mengibar Jalur Gemilang Peringkat KPWKM.

Warga Kementerian yang saya kasihi sekalian,

4. Tahniah dan selamat datang diucapkan kepada **YBhg. Dato' Junaidah binti Kamarruddin yang dilantik sebagai Ketua Setiausaha KPWKM** berkuatkuasa 22 Julai 2019 yang lalu.  
Hari ini genap satu bulan YBhg. Dato' bertugas sebagai KSU di Kementerian ini.  
Saya yakin YBhg. Dato' KSU akan memberi perkhidmatan yang terbaik dan cemerlang di Kementerian ini.

5. Saya juga mengucapkan setinggi-tinggi perhargaan dan terima kasih kepada **YBhg. Datuk Dr. Rose Lena Lazemi**, mantan KSU Kementerian yang kini dilantik sebagai **Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU), Jabatan Perdana Menteri**.

Warga Kementerian yang saya kasihi sekalian,

## **SAMBUTAN BULAN KEMERDEKAAN 2019**

6. Persekutuan Tanah Melayu telah mencapai kemerdekaan secara rasminya pada 31 Ogos 1957 dan seterusnya Negara Malaysia dibentuk dengan gabungan Persekutuan Tanah Melayu bersama Sabah dan Sarawak pada 16 September 1963.
7. Pada tahun ini, kita akan menyambut Hari Kebangsaan yang ke-62 dengan tema “**Sayangi Malaysiaku: Malaysia Bersih**”.

Seperti tahun 2018, tema “**Sayangi Malaysiaku**” dikekalkan bagi menekankan kepentingan perpaduan dan semangat cintakan negara demi kesejahteraan dan kemakmuran bersama.

Pada tahun ini, tema “**Malaysia Bersih**” telah ditambah bagi memupuk dan menyatakan nilai jati diri dan integriti rakyat Malaysia yang bersih dan tinggi.

8. Tahniah dan terima kasih kepada warga kementerian ini dan semua rakyat Malaysia yang bersama-sama dengan semangat “Sayangi Malaysiaku: Malaysia Bersih” dalam menyokong aspirasi-aspirasi Kerajaan untuk membina semula negara dengan membawa nilai-nilai bebas rasuah dan berintegriti.
9. Saya menyeru agar kita semua kembali kepada prinsip-prinsip Rukun Negara yang menerapkan nilai-nilai murni yang berdasarkan kedamaian, kesejahteraan, perpaduan, kesetiaan kepada Raja dan Negara, bersikap toleransi antara satu sama lain dan semangat patriotisme yang jitu supaya kita semua dapat hidup bersatu padu tanpa sebarang sengketa.

10. Tahun ini, sambutan Hari Kebangsaan dan Perarakan Hari Kebangsaan 2019 akan diadakan di Putrajaya pada 31 Ogos 2019.

Kepada pegawai dan kakitangan Kementerian ini yang terlibat dalam acara perbarisan dan perarakan ini, berbaris dan beraraklah dengan penuh semangat.

Kepada yang lain, tunjukkanlah cinta setia kepada negara dengan mengibarkan Jalur Gemilang di rumah, pejabat, premis perniagaan, kereta dan di mana-mana tempat bersesuaian dengan penuh bangga bahawa Malaysia ini tanah tumpah darah kita.

Warga Kementerian yang saya kasihi sekalian,

## **RASUAH**

11. Indeks Persepsi Rasuah (CPI) tahunan pada 2018 menunjukkan Malaysia berada di tangga 61 daripada 180 buah negara berbanding kedudukan ke-62 pada 2017.

Malaysia telah mengekalkan skor 47 daripada 100 dalam tinjauan CPI pada tahun lalu dan 2017. Kedudukan Malaysia masih lagi jauh berbanding Singapura dan Brunei di kedudukan ke-3 dan ke-31 dengan skor 85 dan 63 daripada 100.

Skor dalam CPI ditentukan mengikut tahap persepsi rasuah dalam sektor awam negara berdasarkan skala sifar (dianggap paling rasuah) kepada 100 (paling bersih).

12. Saya yakin dengan usaha dan komitmen kerajaan melancarkan Pelan Anti Rasuah Nasional pada bulan Januari yang lalu, masyarakat akan meletakkan keyakinan yang tinggi terhadap kerajaan Pakatan Harapan (PH) dalam memerangi rasuah.

13. Sehubungan itu, saya menyeru seluruh warga Kementerian untuk bangkit, turut sama berganding bahu dengan Kerajaan bagi membanteras gejala rasuah, salahguna kuasa dan ketirisan.
14. Adalah menjadi tanggungjawab kepada kita semua, untuk mematuhi etika perjawatan yang kita tandatangani sewaktu kita diambil bertugas, iaitu berikrar untuk melaksanakan tugas dengan penuh amanah dan bertanggungjawab kepada negara.
15. Peliharaalah nama baik KPWKM, bekerja dan berkhidmat dengan ketulusan dan ketelusan (*sincere and transparent*), memelihara jati diri dengan mengelak daripada terbabit dalam salah laku rasuah dan ketirisan, menyediakan suasana kerja yang kondusif sebagai sebuah pasukan dan memelihara serta melaksanakan amanah rakyat dengan sebaik-baiknya.

Warga Kementerian yang saya kasihi sekalian,

## **PERPADUAN**

16. Kebelakangan ini isu perkauman acapkali dipaparkan di dada-dada akhbar, media sosial dan lain-lain.

Terdapat segelintir pihak menggunakan media sosial dan capaian Internet yang lain untuk menyebarkan perkara-perkara yang negatif, lebih-lebih lagi yang belum terbukti kebenarannya.

Kadang-kala tanpa disedari, kita turut melakukan perkara yang sama kerana dengan teknologi yang ada sekarang, semudah meng ‘klik’ pada tetikus, atau menekan butang ‘Share’ sahaja untuk menyebarkan perkara ini kepada orang lain.

Saya menyeru kepada anda semua untuk melaporkan penyebaran sebarang kandungan yang menyentuh isu 3R, iaitu *Royalty* (Institusi DiRaja), *Race* (Kaum) dan *Religion* (Agama) melalui *whatsapp* ke talian 016 220 6262 atau emel ke [mediasosial@mcmc.gov.my](mailto:mediasosial@mcmc.gov.my) supaya langkah segera dapat diambil.

Kemerdekaan yang kita kecapi selama 62 tahun ini seharusnya mematangkan pemikiran rakyat Malaysia.

Peliharalah kerahmatan dan kebahagiaan yang dikurniakan Tuhan kepada kita semua dan sama-sama lah kita membangunkan Negara dalam suasana harmoni dan kesefahaman antara kaum dan agama yang tinggi.

Warga Kementerian yang saya kasihi sekalian,

### **PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL OLEH PENJAWAT AWAM**

17. Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, media sosial merupakan medium interaksi utama di Malaysia dengan 96.5 peratus individu menggunakan internet untuk mengakses media sosial mereka pada tahun 2018 berbanding 86.3 peratus pada tahun 2017.

Aplikasi yang sering digunakan ialah seperti Facebook, Instagram, Twitter dan WhatsApp.

18. Trend penggunaan media sosial sebagai medium komunikasi menjadikannya satu keperluan kepada masyarakat untuk mendapatkan maklumat dengan mudah dan cepat.

Namun kepentasan maklumat yang disampaikan, tidak menjamin kesahihannya.

Penggunaan yang tidak bertanggungjawab menyebabkan terdapatnya penyalahgunaan maklumat dan mendatangkan mudarat sekiranya tidak dibendung.

Perkara ini boleh mencetuskan impak negatif kepada masyarakat dengan mempercayai maklumat yang salah dan tidak disahkan kebenarannya.

19. Oleh yang demikian, sebagai penjawat awam, kita wajib mengetahui batas-batas perhubungan dalam komunikasi melalui media sosial, bukan sahaja mewakili diri sendiri dan keluarga, malah mewakili organisasi, kerajaan serta negara Malaysia.

Kawal diri dalam memberikan sebarang komen terhadap isu-isu di media sosial terutamanya isu mengenai perkauman dan juga apa sahaja penulisan yang boleh menjelaskan imej kerajaan serta negara.

**20.** Penjawat awam adalah imej kepada perkhidmatan awam.

Kita semua mempunyai kebebasan untuk bersuara, tetapi sebagai penjawat awam yang berhemah dan profesional, hak dan kebebasan itu perlulah digunakan secara bijaksana untuk menyampaikan maklumat.

Gunakanlah saluran yang betul untuk menyampaikan aduan atau melaporkan perkara-perkara yang menyalahi undang-undang.

### **INISIATIF-INISIATIF TERKINI OLEH KPWKM**

Warga Kementerian yang saya kasih sekalian,

**21.** Pada 5 Ogos yang lalu, saya bersama-sama YB Puan Hannah Yeoh telah melancarkan Pertandingan Video Kreatif Kempen Hentikan! Stop It! dan Soal Selidik Mengenai Gangguan Seksual.

**22.** Tarikh tutup bagi Pertandingan video kreatif berkaitan gangguan seksual ini adalah pada 5 Oktober 2019.

Saya menyeru kepada semua warga KPWKM yang berkesempatan supaya mengambil bahagian dalam pertandingan ini, kecuali kakitangan dan Pegawai JPW selaku Urusetia pertandingan.

**23.** Selain itu, kita juga telah melancarkan Kajian soal selidik atas talian mengenai gangguan seksual yang akan berlangsung sehingga 5 September 2019.

**24.** Saya menyeru sekali lagi kepada anda semua, tanpa pengecualian, untuk menyumbangkan input bagi kajian ini.

**25.** Borang soal selidik boleh didapati melalui portal KPWKM dan JPW.

Selain itu ianya turut disebarluaskan melalui media sosial *Whatsapp*, anda boleh hubungi Pegawai JPW untuk bantuan.

## **PENUTUP**

26. Akhir kata, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan Selamat Hari Kebangsaan kepada semua.

Saya juga ingin mengucapkan Salam Maal Hijrah yang ke 1441 kepada semua umat Islam yang akan disambut pada 1 September 2019 nanti.

Selepas itu, sambutan Hari Malaysia pula akan menyusul pada 16 September 2019 di Kuching, Sarawak.

Bersama-sama lah kita menyemarakkan lagi semangat patriotisme di dalam diri kita dan menyemai amalan budaya integriti dan menolak rasuah dalam kehidupan kita.

Sekian,

Wabillahi Taufiq Walhidayah. Wassalamualaikum Warahmatullah Wabarakatuh.